

**MESYUARAT PERTAMA PENGGAL KETIGA
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG
YANG KEEMPAT BELAS
17 APRIL 2020**

PERKARA : 5(B)(XIV)8

**SOALAN BERTULIS OLEH AHLI KAWASAN PULAU TIKUS
YB. LEE CHUN KIT**

8. Apakah rancangan Kerajaan Negeri untuk menolong golongan miskin tegar yang mungkin hilang pekerjaan akibat Perintah Kawalan Pergerakan?

**YB. PHEE BOON POH
MENJAWAB BAGI PIHAK Y.A.B. KETUA MENTERI**

8. Kerajaan Negeri sentiasa prihatin dengan anggota masyarakat yang terkesan dengan penguatkuasaan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) terutamanya golongan-golongan miskin yang berkemungkinan hilang punca pendapatan akibat kekangan operasi harian. Susulan kejayaan Kerajaan Negeri membasmi kemiskinan tegar melalui pelaksanaan Program Bantuan Agenda Ekonomi Saksama (AES) yang diperkenalkan sejak 2009, Kerajaan Negeri terus komited untuk mengurangkan bilangan penduduk miskin di negeri ini.

Bagi meringankan beban pelaksanaan PKP terhadap golongan miskin ini, Kerajaan Negeri telah mengumumkan Pakej Bantuan Rakyat Pulau Pinang dengan salah satu objektif utama ialah memberi bantuan segera kepada golongan yang paling terkesan seperti penjaja, peniaga kecil, penarik beca, orang kurang upaya (OKU), dan kumpulan B40.

Pengumuman pakej bantuan tersebut merupakan rancangan Kerajaan Negeri untuk menolong golongan miskin yang terkesan merangkumi bantuan-bantuan seperti berikut:-

- (i) Bantuan *one-off* RM500 kepada peniaga dan penjaja berlesen merangkumi peniaga pasar malam, pasar tani, dan pengusaha kendara saji;
- (ii) Bantuan *one-off* RM500 kepada penerima bantuan Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM) dan penerima bantuan Program Agenda Ekonomi Saksama;
- (iii) Bayaran RM500 kepada penarik beca merangkumi bantuan *one-off* RM200 dan baki insentif tahunan RM300 yang diawalkan pembayarannya;
- (iv) Pengecualian sewa selama dua bulan bagi penghuni Program Perumahan Rakyat (PPR);
- (v) Pengecualian bayaran sewa selama sebulan bagi premis-premis perniagaan milik Pihak Berkuasa Tempatan (PBT);
- (vi) Penangguhan tempoh bayaran balik selama tiga bulan bagi peminjam Skim Pinjaman Harapan, Tabung Usahawan Tani, dan Pinjaman Penuntut; dan
- (vii) Bantuan zakat kepada golongan asnaf.

Selain itu, Kerajaan Negeri juga telah meluluskan pek bantuan makanan kering kepada golongan terkesan akibat pelaksanaan PKP. Sebanyak 20,000 pek bantuan dengan kos keseluruhan RM1 juta akan diedarkan kepada mereka-mereka yang terdiri daripada penerima bantuan JKM, penerima bantuan AES, penduduk Projek Perumahan Rakyat (PPR) atau rumah kos rendah, dan mana-mana individu/keluarga yang dikenal pasti layak untuk menerima bantuan.